



Bertahan sampai esok

Banting: Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) antara agensi kerajaan yang menerima agihan air daripada Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) berikutan gangguan bekalan air selama tiga hari bermula semalam.

Pegawai Komunikasi Korporat MDKL, Mohamad Kamal Mohd Ramlan berkata, SYABAS menghantar 5,000 liter air untuk kegunaan 300 kakitangan MDKL selain untuk diagihkan bagi kegunaan kantin MDKL.

Beliau berkata, bekalan air itu mungkin bertahan sehingga hari ini namun ia bergantung kepada kadar penggunaan.

“Tandas di MDKL mempunyai dua tangki besar dan

kami jangka ia mampu bertahan sehingga esok namun difahamkan ada kakitangan yang terpaksa mandi di tandas pagi ini kerana bekalan air di rumah sudah habis.

“Orang awam yang mengurus di MDKL juga ada menggunakan tandas. Sekiranya air dihantar hari ini juga habis, kami akan meminta bantuan SYABAS lagi,” katanya ketika ditemui di MDKL di sini, semalam.

Difahamkan, SYABAS turut menghantar bekalan air di beberapa sekolah di daerah terbabit, pusat dialisis di Banting dan Telok Panglima Garang selain di sebuah rumah yang mengalami kematian.

Selain penghantaran bekalan air, SYABAS turut me-

letakkan pusat khidmat setempat iaitu di Jalan Palas 10, Taman Dato Hormat, Telok Panglima Garang yang beroperasi 24 jam bermula 9 pagi semalam.

Bagaimanapun, ketika NSTP meninjau kawasan terbabit, tidak ada individu yang mengambil air disediakan dan difahamkan penduduk masih mempunyai bekalan air simpanan.

Sementara itu, pemilik kedai makan, Syaripah Abdul, 56, berkata, gangguan bekalan air tidak menjejaskan perniagaannya kerana persediaan dilakukan lebih awal.

Katanya, bekalan air bersih untuk memasak masih banyak dan mampu bertahan selama tiga hari.



10 Oct 2018
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 22 • Printed Size: 255.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 10,045.45
Item ID: MY0033983057



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3



KAKITANGAN MDKL mengisi tangki air utama di pejabat yang dibekalkan pihak SYABAS, semalam.

“Ini yang bagus sekiranya notis gangguan bekalan air diberitahu awal namun saya tetap berharap masalah

gangguan air tidak kerap berlaku,” katanya.

Difahamkan, seramai 58,000 pemegang akaun

SYABAS di daerah ini berdepan gangguan bekalan air bermula hari ini hingga Khamis.



10 Oct 2018

Harian Metro, Malaysia

Author: Syanty Octavia Amry • Section: Setempat • Page: 22 • Printed Size: 523.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 20,603.03
Item ID: MY0033983058



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 5

Kepayahan mula terasa

■ **Penduduk
jangka alami
kesukaran pada
hari kedua
gangguan air**

Syanty Octavia Amry
soctavia@nstp.com.my

Puchong

Hari pertama gangguan bekalan air semalam belum menjejaskan rutin harian penduduk di sekitar Bandar Bukit Puchong.

Ia berikutan tangki di atas bumbung rumah masing-masing masih mampu menampung jumlah penggunaan untuk sehari.

Tinjauan NSTP mendapati walaupun kebanyakan perumahan tiada air, penduduk masih mampu melakukan aktiviti seperti biasa.

Penduduk, Nik Adnan Nik Man, 40, berkata, setiap kali berlaku gangguan air pada hari pertama biasanya air masih cukup untuk digunakan.

“Tangki di atas rumah masih cukup untuk digunakan pada hari pertama. Biasanya keadaan mulai sukar pada hari kedua, jika bernasib baik air daripada tangki masih boleh digunakan dan jika

sebaliknya terpaksa mendapatkan bekalan daripada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS).

“Mujur SYABAS sentiasa menepati waktu menghantar air di kawasan ini, jadi tiada masalah untuk saya,” katanya.

Masalah gangguan bekalan

air SYABAS bermula semalam sehingga Jumaat. Gangguan berlaku akibat kerja penggantian perkakasan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih.

SYABAS juga menjangkakan tempoh pemulihan bekalan air selepas pengoperasian semula loji kepada pelanggan berbeza-beza

mengikut kawasan.

Imam Masjid Bandar Bukit Puchong, Ahmad Zaidee Abu hassim, 47, berkata, setiap kali berlaku gangguan bekalan air, mereka diberi notis dan pihaknya akan memohon sekurang-kurangnya dua tangki statik untuk diletakkan di masjid berkenaan.

“Apabila mendapat notis awal mengenai gangguan air, kami mempersiapkan dua tangki besar untuk kegunaan semua terutama untuk berhudud, mandi dan kegunaan asas. Tetapi, ada segelintir peniaga bersikap degil datang menadah air baldi-baldi untuk urusan perniagaan mereka.

“Bagi saya tidak bagus begitu kerana saya sendiri mempersiapkan semua itu untuk keperluan orang ramai tetapi apabila ada yang berlebihan menggunakan beka-



10 Oct 2018

Harian Metro, Malaysia

Author: Syanty Octavia Amry • Section: Setempat • Page: 22 • Printed Size: 523.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 20,603.03
Item ID: MY0033983058



 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 5

lan itu, ia menyusahkan orang lain," katanya.

Ahmad Zaidee gembira atas sikap prihatin SYABAS yang sentiasa memantau tangki berkenaan supaya sentiasa ada air.

"Mujur SYABAS sentiasa pantau kalau tidak susah juga untuk orang ramai datang menunaikan solat di sini.

"Biasanya untuk hari pertama bekalan masih cukup tetapi pada hari kedua dan seterusnya keadaan mula tidak terkawal apabila orang ramai mula datang memenuhi masjid untuk mendapatkan bekalan air," katanya.

Sementara itu, peniaga makanan, Suhaila Jaafar, 36, berkata, gangguan air turut merugikan dirinya yang terpaksa tutup kedai.

"Biasanya dalam sehari saya boleh dapat sehingga RM1,000 dan apabila tutup kedai sampai tiga hari memang rasa rugi dan terpaksa duduk di rumah saja," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor, Abdul Raof Ahmad ketika dihubungi berkata, setakat semalam operasi Pusat Khidmat Setempat (PKS) berjalan dengan lancar.

"Sebanyak 62 lori tangki air dan 10 lori tangki jumbo digerakkan di semua lapan kawasan PKS yang disediakan SYABAS.

"Kami berharap orang ramai yang ingin mendapatkan bekalan air boleh datang ke PKS berdekatan yang disediakan dan sebarang aduan juga boleh dibuat di situ," katanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini SYABAS boleh melayari laman sesawang di www.syabas.com.my, Facebook 'Air Selangor', Twitter @air_selangor dan aplikasi telefon pintar Air Selangor, yang boleh dimuat turun di Google Play dan App Store.





Headline	Air pasang tak jejas rutin penduduk		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	11	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	410 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,090
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,270



Air pasang tak jejas rutin penduduk

Shah Alam: Air pasang yang berlaku pagi semalam, tidak menjejaskan rutin harian penduduk sekitar.

Tinjauan Harian Metro di Jeti Awam Bagan Hailam, Pelabuhan Klang, mendapati paras air naik berbanding kebiasaan, namun ia terkawal.

Sementara itu, di Kapar, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Pinang, Zaidi Ahtan, berkata, air pasang pagi semalam tidak menjejaskan keadaan ban sekitar daerah itu.

Katanya, ban yang dikesan terhakis sejak beberapa hari lalu juga tetap kukuh selepas kerja penambakan dibuat.

“Pada pagi tadi (semalam), pemantauan dibuat dari jam 4 pagi hingga 7 pagi dengan keanggotaan seramai 91 anggota dari pelbagai agensi.

“Setakat ini, keadaan terkawal dan pada petang ini, kira-kira jam 4 petang, kita akan lakukan rondaan sekali lagi,” katanya kepada NSTP, di sini, semalam.

Difahamkan, paras air pasang pagi ini mencecah 5.5 meter pada jam 6.02 pagi manakala ia dijangka setinggi 5.2 meter apabila air pasang sekali lagi pada jam 6.21 petang ini.

Semalam, Pegawai Daerah Klang Mohd Zainal Mohd Nor berkata, penduduk 10 kampung sekitar daerah ini berdepan risiko banjir sekiranya hujan dan ribut berlaku serentak berikutan fenomena air pasang besar yang dijadualkan berlaku bermula semalam.

Beliau berkata, berkata, jika hujan tanpa adanya ribut, banjir berkemungkinan tidak akan berlaku dan melanda penduduk di situ.



Headline	Air pasang tak jejas rutin penduduk		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	11	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	410 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,090
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,270



ORANG ramai menjalani aktiviti harian seperti biasa dalam keadaan paras air yang naik terkawal di Jeti Awam Bagan Hailam, Pelabuhan Klang berikutan fenomena air pasang besar.



10 Oct 2018

Kosmo, Malaysia

Author: SAIRULZAMRI MISRANI • Section: Negara • Page: 18 • Printed Size: 350.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 9,117.95
Item ID: MY0033983394



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3

Akibat kerap mengalami masalah gangguan bekalan air di Lembah Klang Penduduk lebih bersedia

Oleh SAIRULZAMRI MISRANI

KUALA LUMPUR – Rata-rata penduduk di Lembah Klang yang terlibat dengan gangguan bekalan air hingga Jumaat ini dilihat sudah membuat persiapan awal bagi menghadapi masalah tersebut.

Gangguan bekalan air itu melibatkan 342,000 akaun-pengguna membabitkan kira-kira tiga juta pengguna di Petaling, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat berikutan kerja-kerja penggantian peralatan kritikal yang dilakukan oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor).

Tinjauan Kosmo! di beberapa lokasi di ibu kota semalam mendapati kebanyakan daripada penduduk terpaksa meluangkan masa antara setengah jam ke sejam bagi menyimpan air.

Penduduk di sekitar Seri Kembangan, Selangor yang turut terjejas bekalan air pula dilihat men-



SITI FATIMAH



BALASINGAM

gumpul air dalam bekas plastik pelbagai saiz.

Bagi seorang penduduk Taman Serdang Jaya, Seri Kembangan, Siti Fatimah Mohd. Yusof, 44, dia mula mendapat notis berkaitan

gangguan bekalan air daripada Air Selangor bermula Jumaat lalu sebelum mengambil langkah menyimpan air bagi kegunaan harian keluarganya.

“Gangguan pada kali ini agak panjang iaitu selama empat hari bermula hari ini (semalam) hingga Jumaat ini.

“Bagaimanapun Air Selangor melakukan pelan pengagihan air dengan menyediakan dua buah





10 Oct 2018

Kosmo, Malaysia

Author: SAIRULZAMRI MISRANI • Section: Negara • Page: 18 • Printed Size: 350.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 9,117.95
Item ID: MY0033983394



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3



PENDUDUK Taman Serdang Jaya, Seri Kembangan mula mengambil air pada tangki statik yang disediakan Air Selangor semalam sebagai persediaan menghadapi gangguan bekalan air sehingga Jumaat ini.

tangki statik yang diletakkan di kawasan pekarangan masjid bagi kemudahan penduduk," katanya.

Menurutnya, dia turut mendapat jadual gangguan bekalan air di kawasan perumahan didiaminya menerusi perkongsian

WhatsApp daripada rakan-rakan setugas.

Sementara itu, seorang penduduk, M. Balasingam, 63, memberitahu, dia turut membuat persediaan lebih awal bagi menghadapi masalah bekalan air yang

kerap berlaku di Lembah Klang.

"Saya sudah biasa dengan masalah tiada air dan kali ini, saya melakukan seperti biasa iaitu menyimpan air untuk kegunaan harian keluarga seperti untuk mandi, masak dan membasuh," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Air Selangor menyediakan 62 lori tangki air dan 10 lori tangki jumbo bagi persediaan gangguan bekalan air berjadual bagi daerah Petaling, Sepang, Hulu Langat dan Kuala Langat yang dijadualkan hingga Jumaat ini.

Pada masa sama, Pusat Khidmat Setempat (PKS) bagi bantuan air melalui lori tangki dan pusat aduan beroperasi 24 jam sehari turut diaktifkan di beberapa lokasi bagi memudahkan pelanggan menyalurkan aduan termasuk menerusi talian 15300.

Pengguna juga boleh mendapatkan status terkini mengenai kerja-kerja pembaikan melalui semua saluran komunikasi rasmi Air Selangor.

Shah Alam sambut hari jadi ke-10

Pelbagai aktiviti dan tawaran menarik menanti warga kota Shah Alam sepanjang Oktober

18 tahun pengisytiharan Shah Alam sebagai bandar raya, pelbagai kemajuan dapat dinikmati rakyat di daerah ini. 10 Oktober 2000 adalah detik sejarah, namun sambutanannya pada setiap tahun bukan sekadar satu tanda ingatan, tetapi lebih kepada program yang dianjurkan untuk mendekatkan warga kerja Majlis Perbandaran kepada Majlis Bandaraya (MBSA) dengan masyarakat setempat.

Apa yang telah MBSA rancang? Ikuti temubual Datuk Bandar, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad sempena Ulang tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-18.

Tahniah kepada MBSA sempena Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-18. Sempena sambutan bandar raya Shah Alam tahun ini, apakah fokus MBSA untuk memperkasakan lagi perkhidmatan kepada masyarakat?

Terlebih dahulu, saya serta Ahli Majlis dan seluruh warga kerja MBSA ingin berkongsi detik dan kegembiraan sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-18 bersama seluruh warga kota Shah Alam. Tarikh 10 Oktober pada setiap tahun merupakan detik yang amat penting dan perlu diingati kerana pada tarikh tersebut Shah

Alam telah dinaik taraf daripada Majlis Perbandaran kepada Majlis Bandaraya. MBSA telah diisytiharkan sebagai bandar raya 18 tahun yang lalu iaitu pada tahun 2000.

Sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang telah diberi taraf sebagai bandar raya, kami sentiasa mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan masyarakat termasuk dari segi pengurusan perbandaran seperti pengurusan sisa pepejal, kebersihan, keindahan landskap, penyediaan kemudahan dan infrastruktur awam termasuk keharmonian komuniti melalui platform Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).

Pada tahun 2019, MBSA akan memperkasakan lagi aktiviti pembersihan dan penyediaan kemudahan awam dan akan fokus terhadap program yang melibatkan komuniti. Pihak MBSA akan menambah lagi peruntukan kepada MPP untuk memperbanyakkan aktiviti kemasyarakatan. Namun begitu apa yang lebih penting adalah penglibatan masyarakat dalam memberikan kerjasama dan mengambil bahagian dalam aktiviti atau program yang dianjurkan pihak MBSA.

Untuk sambutan tahun ini, apakah program dan aktiviti yang telah dirangka oleh pihak MBSA untuk diraikan bersama warga Shah Alam?

Sambutan kali ini, tentunya kami di MBSA telah merangka pelbagai aktiviti untuk diraikan bersama komuniti setempat. Tetapi apa yang penting program yang dirangka ini mestilah mampu mendekatkan pihak MBSA dengan warga kota Shah Alam. Kami mengutamakan konsep *engagement* atau kebersamaan antara MBSA dan para *stakeholders* serta penduduk. Ini motif utama kami.

Justeru, pihak MBSA telah merangka pelbagai program sempena sambutan tahun ini yang kebanyakannya akan melibatkan komuniti pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat.

Pada 5 Oktober kami mulakan dengan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat di Masjid Jamek Raja Tun Uda, Seksyen 16. Kemudian, 7 Oktober kami ada aktiviti Kayuhan Shah Alam Enduride. Manakala pada 10 Oktober, pihak MBSA akan meraikan bayi yang dilahirkan pada tarikh 10 Oktober di Hospital Shah Alam dengan kerjasama pihak pengurusan Hospital Shah Alam.

Pihak kami juga mengadakan Pameran Anggerik dan Pasar Bunga selama 4 hari mulai 11 Oktober di Laman Budaya, Taman Tasik Shah Alam. Pelbagai spesies bunga dan bahan-bahan landskap akan dijual.

14 Oktober pula akan diadakan Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan di Dataran Kemerdekaan, 20 Oktober kami anjurkan Shah Alam Soccer Kids di tempat yang sama dan Hari Mesra MBSA di Plaza Shah Alam, Seksyen 9. Kami mengalu-alukan kedatangan orang ramai untuk menyalurkan aduan dan cadangan kepada MBSA sempena program ini.

Pada 21 Oktober pula kami akan mengadakan Karnival Sukan Bendang melibatkan 24 MPP Shah Alam. Kemudian, pada 26 Oktober, pihak MBSA

juga akan anjurkan Forum Perdana di Masjid Al-Munawwarah, Seksyen 27. Kami juga tak lupakan minat anak-anak muda. Justeru, Kejohanan Dart dan acara Lepak Seni akan diadakan pada 27 dan 28 Oktober.

Program yang dirangka secara komprehensif ini melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat dan MBSA menjemput seluruh warga Shah Alam untuk sama-sama hadir dan menyertai program yang kami atur sepanjang Oktober ini.

Adakah program-program yang dirangka oleh MBSA ini boleh disertai oleh masyarakat?

Kami memang rancang program untuk orang ramai. Jadi, MBSA sangat mengharapkan penyertaan seluruh warga kota Shah Alam terlibat dalam setiap aktiviti yang dirancang ini. Hasrat kami ialah menjadikan program-program ini satu platform untuk mendekati penduduk Shah Alam dengan MBSA. Kami harap komuniti Shah Alam sama-sama hadir dan meraikan ulang tahun MBSA yang ke-18.

Sebenarnya banyak lagi yang kami sudah aturkan. Seperti Program Hari Mesra MBSA adalah satu cara warga kota Shah Alam menyalurkan aduan, pandangan atau apa-apa cadangan untuk kami tambah baik perkhidmatan untuk kesejahteraan mereka. Inilah masa orang ramai berpeluang berjumpa pegawai serta kakitangan MBSA, lihat sendiri dan fahami fungsi serta peranan MBSA membangunkan bandar raya Shah Alam ini melalui bahan-bahan pameran yang kami sediakan.

Begitu juga semasa Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan, kami galakkan orang ramai hadir

awal pagi supaya dapat sama-sama menyertai Pink Walk. Kami bersama Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga Negeri Selangor akan adakan aktiviti sampingan sepanjang program ini. Ada jualan Eco Free Market, food truck, jualan produk hijau, senamrobik, pameran dan macam-macam lagi. Bawalah anak-anak dan ahli keluarga. Kalau nak tahu maklumat lanjut tentang program kami, orang ramai boleh layari www.mbsa.gov.my.

Adakah sebarang insentif atau kemudahan yang ditawarkan oleh MBSA sempena Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-18 ini?

Ya, kami akan adakan Kempen Pengurangan Kompaun selama sebulan mulai 1 hingga 31 Oktober. Pengurangan kompaun sebanyak

50 peratus akan diberi kepada kompaun terpilih MBSA dan juga RM30 terhadap kompaun kesalahan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan MBSA 2007. Seluruh warga Shah Alam khususnya Orang Kena Kompaun (OKK) ambillah peluang diberi untuk selesaikan tunggakan kompaun masing-masing.

Selain itu, pada 10 Oktober pengguna juga tidak akan dikenakan bayaran untuk Tempat Letak Kereta di Bangunan Wisma MBSA, Tempat Letak Kereta Stesen Komuter (HUB) Seksyen 19, sewaan di Padang C Dataran Kemerdekaan dan sewaan gelanggang untuk sukan badminton di dewan serbaguna MBSA.

Insentif ini diberikan untuk menghargai warga kota Shah Alam yang telah bersama-sama menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya yang hebat. Suka juga kami ingatkan

warga kota Shah Alam bahawa 10 Oktober adalah tarikh keramat yang perlu diingati kerana pada tarikh inilah Shah Alam telah dinaik taraf sebagai bandar raya.

Difahamkan, MBSA ke arah menjadi bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2030. Apakah inisiatif dan tindakan yang dilaksanakan oleh MBSA?

MBSA telah melaksanakan pelbagai inisiatif, program dan projek berkaitan Bandar Rendah Karbon ini bagi memastikan Shah Alam mencapai tahap pengurangan karbon menjelang tahun 2030. Melalui komitmen ini, MBSA telah menjalin kerjasama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air (KeTTHA), Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA), Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan Malaysian Institute Planners (MIP).

Beberapa inisiatif juga kami laksanakan antaranya sesi *townhall* dan Perjanjian Kerjasama antara KeTTHA, MGTC dan MIP, ada pelantikan duta hijau, Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan, kempen bangunan rendah karbon Shah Alam di sekitar Pusat Bandar Seksyen 14 dan pema-

sangan 10 unit pengecasan kenderaan elektrik di kawasan MBSA di bawah peruntukan Green Tech Malaysia.

MBSA juga menjalankan kajian trek basikal, laluan pejalan kaki dan kemudahan orang kurang upaya (OKU) di Pusat Bandar Seksyen 14, Projek Pembinaan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPA) bagi 3 aset MBSA di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Selangor 2016 serta penyertaan APEC Low Carbon Model Town (LCMT) Dissemination Project - Phase 7 oleh Ministry of Economy, Trade and Industry (METI), Jepun.

Melalui pelbagai insentif dan inisiatif ini membuktikan MBSA begitu bersungguh-sungguh untuk memajukan bandar ini demi kesejahteraan warga kota. Apakah harapan dan peranan MBSA demi mencapai tahap yang lebih baik?

MBSA akan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan perbandaran yang cemerlang dan terbaik kepada masyarakat. Fungsi dan peranan PBT ini akan terus diperkasa untuk memastikan rakyat dapat menikmati kesejahteraan hidup di bandar dalam bentuk persekitaran yang berkualiti, selamat, gaya hidup sihat dan harmoni.

MBSA juga akan terus memberi fokus kepada penambahbaikan



AHMAD ZAHARIN

perkhidmatan majlis kepada warga bandar raya Shah Alam di setiap peringkat sama ada penduduk, pelabur, peniaga atau pemaju supaya maklumat terkini dapat disampaikan kepada semua.

MBSA juga akan sentiasa memastikan perkhidmatan perbandaran seperti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur awam, melestarikan lagi bandar raya ini melalui projek pengindahan dan penanaman pokok, menguatkuasakan peraturan dan undang-undang, menambah baik kemudahan awam dan rekreasi akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Semua ini tidak lain tidak bukan untuk kesenangan dan kesejahteraan penduduk bandar raya Shah Alam.

MBSA juga akan memperkasakan sistem penyampaian dengan memperkenalkan sistem dalam talian untuk memudahkan masyarakat berurusan dan mendapatkan perkhidmatan MBSA. Pada masa ini kita mempunyai aplikasi *i-ADU*, *flexi parking*, *SnapNPay* dan sebagainya. Insya-ALLAH, MBSA akan memperbanyakkan lagi sistem secara online ini demi kesenangan dan kemudahan masyarakat.

Apa pesanan dan nasihat Datuk kepada warga bandar raya Shah Alam sempena Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-18?

Saya amat berharap agar warga Shah Alam bersama-sama menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya yang aman, sejahtera dan indah. MBSA sentiasa komited untuk menjadikan bandar raya ini sebagai sebuah perbandaran yang lestari dan mampan, tetapi peranan masyarakat khususnya warga Shah Alam amat ditagih agar segala perancangan dapat direalisasikan.

Kita kena sentiasa tanamkan perasaan untuk sayangkan bandar raya ini dan *sense of belonging* perlu diterapkan kerana jika sayangkan Shah Alam, kita tidak sanggup untuk lakukan perkara negatif seperti vandalisme, merosakkan harta benda awam, tidak membuang sampah di merata tempat, tidak melanggar peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga kota dan penduduk Shah Alam kerana sentiasa bersama MBSA memastikan bandar raya Shah Alam mampan, bersih, indah dan terus maju.



Bekalan air dijangka pulih hari ini

Pulih secara berperingkat mulai 9 pagi ini

ASYRAF MUHAMMAD

PUCHONG

Bekalan air di empat daerah yang terjejas berikutan kerja henti tugas di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih, Selangor dijangka pulih secara berperingkat, jam 9 pagi ini.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim berkata, sejak jam 3 petang semalam, status kerja-kerja penggantian

peralatan kritikal di loji terlibat telah mencapai tahap 70 peratus dan operasi penyaluran semula air dijangka lebih cepat daripada ketetapan sebelum ini.

“Tempoh pemulihan dianggarkan mengambil masa 30 jam hingga 72 jam bergantung kepada lokasi, kedudukan dan tekanan air di premis pengguna,” katanya ketika turun padang di Pusat Khidmat Setempat Air Selangor, semalam.

Mengulas lanjut, Izham berkata, penyelenggaraan berjadual yang dilaksanakan di loji berkenaan adalah melibatkan pemasangan flow meter bertujuan meningkatkan prestasi air tiada hasil (NRW).

Selain itu, beliau berkata, pihak Air Selangor turut

menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan berkaitan bagi meningkatkan perkhidmatan buat pengguna di negeri ini.

“Untuk kali ini, seramai 342,000 orang pengguna terlibat dengan gangguan ini dan kita jangka ia akan pulih lebih cepat daripada sasaran awal,” katanya.

Dalam pada itu, Izham berkata, pihaknya turut menyediakan 80 tangki statik dan 72 lori tangki bagi kemudahan pengguna yang berdepan kesulitan sepanjang tempoh gangguan tersebut.

Beliau berkata, Air Selangor turut mengambil inisiatif bagi mewujudkan lapan Pusat Khidmat Setempat di beberapa lokasi yang terjejas.

“Kita juga ada talian



IZHAM

hotline, SMS dan WhatsApp di mana pengguna boleh berhubung secara terus untuk memaklumkan permasalahan mereka.

“Di tempat kritikal seperti hospital dan sekolah, memang kita ada ada buat persediaan bagi membantu mereka,” katanya.




10 Oct 2018
Sinar Harian, Malaysia

Author: ASYRAF MUHAMMAD • Section: Selangor & KL • Page: 17
Printed Size: 319.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 5,441.40 • Item ID: MY0033981624



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Kerja-kerja penggantian peralatan kritikal di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih telah mencapai tahap 70 peratus, semalam.



Belanja RM800 hadapi gangguan air

PUCHONG - Penduduk di sekitar kawasan Taman Putra Perdana membuat persediaan awal bagi menghadapi gangguan bekalan air yang dijangka berlaku di beberapa daerah sekitar Selangor.

Pengurus Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At Takwa, Norhayati Wan Habib, pihaknya terpaksa membelanjakan sekitar RM800 bagi

membeli tong simpanan air serta beberapa kelengkapan lain bagi kegunaan pelajar sepanjang tempoh gangguan tersebut.

"Seperti kita tahu air merupakan satu keperluan yang penting dan oleh sebab itu pihak kami membuat beberapa persiapan awal dengan menyediakan 15 tong simpanan air bagi memudahkan penuntut dan

kakitangan di sini," katanya.

Mengulas lanjut, Norhayati berkata, pihaknya turut membeli kertas bungkusan nasi lemak dan cawan polisterin bagi kegunaan pelajar untuk meminimumkan penggunaan air sepanjang tempoh gangguan tersebut.

"Pihak pengurusan turut menyediakan stok makanan untuk disimpan di dalam peti sejuk supaya memudahkan pelajar nanti. Jika nak makan kami akan panaskan sahaja dan langkah ini dapat menjimatkan penggunaan air sepanjang tempoh gangguan ini," katanya.

Seorang penduduk, Wilson Khon, 51, berkata, dia juga telah membuat persediaan awal dengan menyediakan tong simpanan bagi memudahkan urusan harian sepanjang tempoh gangguan itu.

Katanya, persediaan dapat dilakukan sebaiknya kali ini memandangkan Syabas telah menghebahkan makluman awal.

Pihak pengurusan Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At Takwa membuat persediaan gangguan bekalan air.





MBSA juara tarik tali terbuka KL

KUALA LUMPUR - Pasukan MBSA (A) membawa pulang RM2,500 selepas menjuarai Kejohanan Tarik Tali Terbuka Kuala Lumpur yang diadakan di Dataran Kemerdekaan, di sini baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, MBSA (A) menewaskan Pasukan Kelab Sukan DBKL (KSDBKL) bagi kategori Lelaki Terbuka Awam Tanpa Kasut.

"Kejohanan Tarik Tali Terbuka Kuala Lumpur ini menampilkan pasukan-pasukan yang hebat. Kesungguhan dan komitmen bermain secara berpasukan membolehkan pasukan MBSA A berjaya menjuarai kejohanan ini.

"Tahniah kepada pasukan MBSA (A) kerana mempunyai semangat juang yang tinggi

Tahniah kepada pasukan MBSA (A) kerana mempunyai semangat juang yang tinggi dan tidak mudah menyerah kalah pada perlawanan akhir." - Shahrin

dan tidak mudah menyerah kalah pada perlawanan akhir," katanya.

MBSA menghantar dua pasukan dalam kejohanan tersebut namun pasukan MBSA (B) terkandas di peringkat suku akhir selepas tewas kepada KSDBKL.



Pasukan MBSA menjuarai Kejohanan Tarik Tali Terbuka Kuala Lumpur.

Headline	Klang dilanda banjir kilat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	144 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,456
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,368



Klang dilanda banjir kilat

KLANG - Hujan lebat petang semalam menyebabkan beberapa laluan di sekitar Jalan Tengku Kelana di sini, ditenggelami air.

Berdasarkan gambar yang tular di media sosial, pelayar Facebook memaklumkan lokasi terlibat adalah di sekitar stesen komuter, Sentosa, Bayu Perdana dan Taman Maznah.

Bagaimanapun banjir kilat itu dilaporkan kira-kira 30 minit selepas itu.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Klang (MPK), Mohd Affaizul Abd Majid berkata, pihaknya menerima aduan berhubung kejadian jam 4.20 petang.

Katanya, Skuad Pantas MPK

yang ke lokasi mendapati air sudah pun surut. "Kita ada terima aduan banjir namun selepas skuad pantas ke sana didapati air sudah surut," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, beberapa rumah di Kampung Delek Kiri di sini, dimasuki air selepas hujan lebat melanda kawasan itu, petang semalam.

Katanya, pihaknya menerima aduan daripada orang ramai sebelum Skuad Pantas MPK Team Selatan ke lokasi di Jalan Jepun.

"Banjir berlaku di sebabkan hujan lebat dan kunci air Kampung Sungai Sireh tidak di buka.

"Memang kita ada terima aduan terdapat rumah penduduk dimasuki air," katanya.



Keadaan jalan yang dinaiki air selepas hujan lebat petang, semalam.

Headline	Penduduk minta PBT proaktif		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	204 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,480
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,439



Penduduk minta PBT proaktif

KLANG - Penduduk di Jalan Meru mahu Majlis Perbandaran Klang (MPK) lebih proaktif terhadap aduan orang ramai.

Penduduk, Chua Gor Thong, 32, berkata tiada sebarang tindakan daripada MPK selepas aduan dibuat pihaknya sejak lalu yang mahu pokok besar berhampiran perumahan ditebang kerana bimbang risiko keselamatan.

Menurutnya, kebimbangan penduduk berasas apabila sebatang pokok tumbang ketika ribut dan menghempap dua buah rumah, awal bulan ini.

Thong berkata, dia bernasib baik kerana insiden pokok tumbang itu meranapkan sebahagian rumahnya tidak melibatkan kecederaan kepada ahli keluarganya.

Menurutnya, kos kerosakan akibat insiden berkenaan dianggarkan hampir

RM30,000 namun dia tidak melihat itu sebagai soal utama sebaliknya menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) segera bertindak memotong dan mengalihkan pokok yang tumbang sekiranya menerima aduan daripada penduduk.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat MPK, Mohd Affaizul Abd Majid berkata, pegawai jabatan berkaitan juga telah melawat lokasi insiden itu, semalam.

"MPK akan siasat dakwaan berkenaan dan pihak Jabatan Taman Dan Rekreasi MPK ke lokasi hari ini (semalam).

"Selain itu, menerusi carian dan semakan awal, lokasi yang terlibat sudah direkodkan ke bahagian atau klasifikasi kerja-kerja bagi Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (Marris) 2018," katanya kepada *Sinar Harian*.



Keadaan kediaman Thong yang mengalami kerosakan akibat dihempap pokok tumbang.

Headline	Ban Sungai Air Tawar runtuh		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Oct 2018	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	101 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 994
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,982



Ban Sungai Air Tawar runtuh

SABAK BERNAM - Fenomena air pasang besar mengakibatkan ban Sungai Air Tawar di sini, runtuh sepanjang kira-kira 20 meter, awal pagi semalam.

Pengerusi Pengurusan Bencana Daerah Sabak Bernam, Nasir Mamat berkata, terdapat limpahan di zon penampungan dan Dataran Bagan Nakhoda Omar (BNO) sedalam kira-kira 10 sentimeter.

Katanya, bagaimanapun keadaan terkawal.

"Kejadian susulan fenomena air pasang besar bermula hari ini hingga Jumaat yang menyaksikan paras air pasang lebih tinggi daripada biasa.

"Berdasarkan rujukan jadual pasang surut Jeti Bagan Datuk, ketinggian paras air laut naik hingga

3.3 meter (5.6 meter ikut bacaan di Pelabuhan Klang) sekitar jam 5 pagi," katanya.

Pegawai Daerah Sabak Bernam itu berkata, walaupun air laut melimpah ke dalam parit di ban Sungai Air Tawar, Jabatan Parit dan Saliran (JPS) mewujudkan kawasan penampungan.

"JPS rendahkan paras air parit untuk elak perkara tidak diingini. Pam JPS sedia untuk digunakan jika banjir," katanya.

Beliau berkata, ia disediakan parit tampung limpahan air laut.

"Pemantauan berterusan termasuk di Pintu Air 6 Sekichan, Pintu Air Haji Sirat Sungai Leman, Pintu Air Sungai Besar Utara dan di Sungai Tebuk Mendeling," katanya.

Headline	FAS nafi dakwaan liar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	55,56	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	692 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,804
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,412



KAMI ADA BUKTI

Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) menafikan dakwaan sesetengah pihak berkaitan pelantikan dua naib presiden, Izhar Moslim dan Dr Johan Kamal Hamidon yang dikatakan tidak sah dan tidak mengikut perlembagaan.

Timbalan Presiden FAS, Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, pelantikan Izhar dan Dr Johan Kamal bagi mengisi kerusi naib presiden itu atas cadangan Presiden FAS, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah, 10 Julai lalu.

“Dakwaan tersebut adalah tidak benar, sebagai contoh, dua Naib Presiden yang dilantik pada 10 Julai yang lepas, Izhar dan Dr Johan Kamal telah menjadi ahli di dalam kelab gabungan yang sah di bawah FAS.

“Kami mempunyai bukti yang secukupnya untuk menyangkal dakwaan ini,” ujarinya dalam kenyataan rasmi yang dikeluarkan FAS, semalam.

Sebelum ini, tersebar satu kenyataan mempertikaikan pelantikan dua naib presiden dan memohon supaya satu Kongres

Luar Biasa diadakan dalam tempoh terdekat.

Dalam kenyataan tersebut, mereka mendakwa pelantikan Izhar dan Dr Johan tidak sah kerana mereka bukan ahli gabungan FAS selain turut mengeneipkan suara ahli.

Malah difahamkan juga seramai 67 dari 96 kelab gabungan FAS sudah menyerahkan permohonan agar mengadakan Kongres Luar Biasa bagi membolehkan pelantikan semula Exco yang akan dapat memantapkan pengurusan FAS dibuat secara sah mengikut perlembagaan.

Headline	FAS nafi dakwaan liar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	55,56	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	692 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,804
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,412

FAS nafi dakwaan liar

FOTO : FB FAS



Dr Johan (enam, kiri) bersama sebahagian peserta pada majlis Bengkel Transformasi FAS, Ogos lalu.

PERSATUAN Bola Sepak Selangor (FAS) menafikan dakwaan sesetengah pihak berkaitan perlantikan dua Naib Presiden, Izhar Moslim dan Dr Johan Kamal Hamidon yang dikatakan tidak sah dan tidak mengikut perlembagaan.

Timbalan Presiden FAS, Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, pelantikan Izhar dan Dr Johan Kamal bagi mengisi kerusi naib presiden itu atas cadangan Presiden FAS, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 10 Julai lalu.

Jelasnya pelantikan kedua-dua individu terbabit menggantikan Datuk Lim Thean Seang dan Nizam Sani yang meletakkan jawatan tidak perlu dipertikai

kan sebaliknya menyeru agar semua pihak memberi kerjasama dalam usaha melaksanakan transformasi persatuan.

"Dakwaan tersebut adalah tidak benar, sebagai contoh, dua Naib Presiden yang dilantik pada 10 Julai yang lalu, Izhar dan Dr Johan Kamal telah menjadi ahli di dalam kelab gabungan yang sah di bawah FAS.

"Kami mempunyai bukti yang secukupnya untuk menyangkal dakwaan ini," ujarnya dalam kenyataan rasmi yang dikeluarkan FAS, semalam.

Tegasnya, daripada kenyataan yang disebarkan tersebut tidak ditandatangani oleh sesiapa dan tidak mempunyai sebarang sumber.

"Maka pada itu kami percaya ahli media akan berpegang kepada prinsip etika yang tertinggi, dan tidak melaporkan dakwaan tidak berasas sebegini.

"Malangnya terdapat dalang-dalang di dalam FAS yang hendak menentang usaha-usaha ke arah mentransformasikan persatuan kesayangan ramai ini, memecahbelahkan kita dan menjejaskan kestabilan FAS.

"FAS sedang menjalankan siasatan terhadap kenyataan tersebut dan tidak akan teragak-agak untuk membuat laporan polis terhadap dalang-dalang di belakangnya dan akan mengeluarkan kenyataan rasmi sebaik sahaja fakta-fakta telah diperolehi," katanya.



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Tempoh pemulihan berperingkat mengikut kawasan **Bekalan air pulih hari ini**

Oleh **AMIRUL AIMAN ANUAR**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 OKT.

SYARIKAT Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) memberi jaminan bekalan air kepada 342,000 pengguna di empat buah daerah iaitu di Petaling, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat dijangka pulih sepenuhnya selewat-lewatnya pukul 3 petang esok.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, kerja-kerja penggantian perkakasan giat dilaksanakan dan mengikut jadual.

Menurutnya, tempoh pe-

mulihan dianggarkan dari 30 jam hingga 72 jam dan akan berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung pada lokasi geografi dan altitud premis pelanggan.

“Kerja-kerja penggantian peralatan telah bermula pada jam 9 pagi hari ini dan kerja-kerja sedang giat dilaksanakan.

“Air Selangor akan mengambil segala usaha untuk mempercepatkan kerja-kerja penggantian ini dan pemulihan bekalan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Abdul Raof berkata, pengguna juga dinasihatkan untuk mendapatkan makluman dan status terkini mengenai gangguan bekalan ini dengan merujuk

saluran komunikasi rasmi Air Selangor.

Sementara itu tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa kawasan di daerah Hulu Langat dan Petaling mendapati rata-rata penduduk sudah membuat persiapan sejak seminggu lalu sebaik sahaja notis gangguan dikeluarkan.

Penduduk yang ditemui bagaimanapun berharap pihak Air Selangor dapat melakukan kerja-kerja penggantian perkakasan dengan segera dan mengikut jadual bagi memudahkan urusan harian mereka.

Bermula hari ini, kira-kira tiga juta pengguna terpaksa berdepan dengan gangguan bekalan air bagi memberi la-



KERJA-KERJA penggantian peralatan kritikal di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih, Selangor giat dilaksanakan.

luan kepada kerja penggantian perkakasan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih.

Selain Kuala Langat, tiga lagi daerah lain turut terkesan dengan kerja-kerja berkenaan iaitu di Sepang (86,000 pemegang akaun); Petaling (132,000) dan Hulu Langat (64,000) membabitkan seba-

nyak 476 kawasan di keempat-empat daerah.

Menurut Abdul Raof lagi, lapan buah Pusat Khidmat Setempat (PKS) diaktifkan 24 jam sepanjang tempoh gangguan bekalan termasuk lori tangki turut digerakkan bagi memberikan bantuan kepada penduduk terjejas.



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

REAKSI



